



**MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :-

<b>NOMBOR SEBUT HARGA</b>	<b>TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>KOD BIDANG</b>	<b>TARIKH / HARGA / TEMPAT DOKUMEN DI JUAL</b>	<b>TARIKH TUTUP SEBUTHARGA</b>
<b>S1/2018</b>	<b>SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES DAN PELEKAT PAS BULANAN LETAK KERETA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2018 / 2019</b>	<b>221603</b>  <b>atau</b>  <b>221607</b>	<b>TARIKH</b> Dari 18 Januari 2018 (Khamis)  <b>Hingga</b> 25 Januari 2018 (Khamis)  <b>HARGA DOKUMEN</b> RM 53.00 (termasuk GST)  <b>TEMPAT</b> Jabatan Kewangan, Majlis Perbandaran Alor Gajah	<b>TARIKH</b> 25 Januari 2018 <b>(Khamis)</b> Jam 12.00 tengahari

1. Dokumen Sebut Harga akan dijual seperti tarikh di atas pada waktu pejabat **dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang (Isnin hingga Jumaat)** dengan harga **RM 53.00 ( termasuk 6% GST) senaskah**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **TUNAI SAHAJA** di kaunter bayaran MPAG dan bayaran tidak dikembalikan.
2. Pembekal / syarikat yang ingin membeli dokumen sebutharga, dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah.
3. Dokumen Sebutharga hanya dijual kepada syarikat yang mengemukakan sijil asal Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (Bekalan / Perkhidmatan) dalam kod bidang seperti di atas, Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan / Perkhidmatan) yang masih sah tempoh lakunya, Surat Pengesahan Pendaftaran GST dari Jabatan Kastam Malaysia, Lesen Cetakan Keselamatan daripada Kementerian Dalam Negeri serta menyerahkan satu salinan sijil-sijil berkenaan.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan di alamatkan kepada **Yang Dipertua MPAG, Jalan Dato Dol Said, 78000 Alor Gajah, Melaka** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Majlis Perbandaran Alor Gajah sebelum atau **pada 25 Januari 2018 selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari**. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.
5. Majlis Perbandaran Alor Gajah tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan berhak membatalkan, menunda atau menggantung tawaran secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKA NEGERI KU SAYANG FASA II"**  
**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**  
**"ALOR GAJAH DINAMIK – PROGRESIF – HOLISTIK"**

Saya yang menurut perintah,

**HAJI ISMAIL BIN HAJI HASIM**  
Yang Di Perua  
Majlis Perbandaran Alor Gajah